

Jenis Akhbar : Harian Ekspres (KK)

Tarikh : 30/01/2024

Edisi / Muka Surat : Sabah / 3

Tajuk : Pusat Sejadi Madai jadi tumpuan penggemar aktiviti cerap burung



ANTARA species burung enggang
Rhinoceros Hornbill yang
terdapat di Pusat sejadi Madai
– Foto Facebook oleh Eddy Hecks.



KUPU-KUPU Rajah Brooke yang terdapat di Pusat Sejadi Madai.

Pusat Sejadi Madai jadi tumpuan penggemar aktiviti cerap burung

Ibrahim Tabir

KUNAK: Pusat Sejadi Madai di Hutan Simpan Madai Baturong adalah antara lokasi tumpuan bagi mereka yang menggemari aktiviti pencerapan burung, khususnya kerana kawasan ini dikenal pasti sebagai habitat lapan spesies burung enggang (Hornbill) Borneo.



Pengerusi Koperasi Komuniti Pelancongan dan Kebudayaan Madai Berhad (Kokom), Azmil Pillantong (gambar) berkata berdasarkan pemerhatian sebelum ini terdapat sekurang-kurangnya lapan spesies burung enggang yang mendiami kawasan hutan tersebut.

"Antara spesies ini termasuk; Helmeted Hornbill, Rhinoceros Hornbill, Bushy-Crested, White-Crowned, Wrinkled Hornbill, Wreathed Hornbill, Asian Black Hornbill dan Oriental Pied Hornbill.

"Bagi mereka yang meminati aktiviti pencerapan atau pemerhatian burung, kawasan ini sangat signifikan, boleh dikatakan dapatan itu tinggi," katanya ketika ditemui *Daily Express* baru-baru ini.

Menurut Azmil, Kokom yang dilantik sebagai operator di Pusat Sejadi Madai menyediakan jurupandu atau guide membantu peminat-peminat unggas untuk mencari spesies burung enggang yang boleh dilihat pada masa-masa sesuai dan tertentu di kawasan hutan berkenaan.

"Biasanya, kami akan sediakan jurupandu jika ada pengunjung atau pelancong yang mahu menjalankan aktiviti birding.... Guide akan membawa mereka ke kawasan trail atau laluan tertentu bagi mencari burung. Di kawasan hutan ini antara tempat yang paling senang dapat, biasanya waktu petang kita boleh dengar bunyi (unggas) itu."

"Pengunjung biasanya membawa kamera sendiri dan paling sesuai sekali jika ada peralatan seperti binokular.. dapatan itu sangat tinggi," katanya menambah spesies burung enggang biasanya sukaan pokok atau lebih-lebih lagi jika pokok itu mengelarkan buah.

Baru-baru ini, seorang penggemar aktiviti alam sekitar di Sabah, Eddy Hecks turut berkunjung ke Pusat sejadi Madai dan beliau (Eddy) berkongsi pengalamannya yang berjaya mencerap seekor burung enggang jenis Rhinoceros Hornbill di mana Eddy turut berkongsi gambar itu di Facebook.

Menurut Azmil beliau menghargai setiap momen yang dikongsikan daripada pengunjung Pusat Sejadi Madai mengenai keunikan hutan rekreasi semula jadi itu kerana ia merupakan salah satu inisiatif bagaimana untuk kita menghargai keindahan alam semulajadi yang dikurniakan oleh Tuhan.

Selain, burung enggang, spesies unggas lain termasuk serangga, dan rama-rama yang jarang ditemukan juga boleh dilihat di sini.

"Anda pernah mendengar kupu-kupu Rajah Brooke... ada yang telah berpeluang melihatnya terbang sekitar sini," kata Azmil.

Sejak dibuka bermula 1 Oktober tahun lalu, Pusat Sejadi Madai dikunjungi ramai pelawat tempatan dan pelancong asing termasuk dari Taiwan, Hong Kong dan Jerman.

"Pelancong juga tertarik dengan keunikan Air Terjun Madai di hutan rekreasi ini," katanya.

Bagi membangkitkan ekspektasi suasana alam sekitar kawasan itu, lukisan mural lapan spesies burung enggang yang mendiami Pusat Sejadi Madai dipaparkan di bahagian hadapan Cafe di kawasan taman rekreasi tersebut - yang dinamakan Hornbill Cafe.

Azmil berkata, pihak Koperasi Komuniti Pelancongan itu juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Jabatan Perhutanan dalam memastikan segala aktiviti rekreasi yang dijalankan di kawasan tersebut mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

"Pihak Kokom telah menjalankan beberapa aktiviti di sini sejak pembukaan Pusat Sejadi Madai. Antaranya seperti perkhemahan, e-sport, Kids with Nature.. dan akan datang pada Februari ini akan diadakan

Fun Run Trail sejauh 6km yang merentasi laluan dalam hutan," katanya.

"Bagi mereka yang mahu menyertai Fun Run itu boleh mendapatkan maklum at lanjut di halaman Facebook rasmi Koperasi Komuniti Pelancongan dan Kebudayaan Madai Berhad (Kokom)", katanya.

Azmil berkata, beliau menghargai kerjasama semua pihak termasuk Jabatan Perhutanan yang memberi kepercayaan kepada koperasi tersebut sebagai operator di Pusat Sejadi Madai untuk memberi perkhidmatan mereka dalam aktiviti yang dilaksana.

Dalam perkembangan sama, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yang turut memilih Pusat Sejadi Madai sebagai destinasi persinggahan dalam Kembara Jelajah Borneo Negeri Sabah pada 26 Januari lepas menyahut seruan dalam 'Program Penghijauan Malaysia : Koperasi Prihatin Sejuta Pokok'.

Semasa program itu, Pengerusi Kumpulan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Kamarudin Ismail yang juga Anggota Lembaga Angkasa merasmikan Kokom seterusnya bersama beberapa peserta menanam pokok Kapur Paji di kawasan Pusat Sejadi Madai.

Kamarudin berkata, lokasi strategik daerah Kunak yang bersempadan dengan Semporna sudah tentu memberi faedah kepada kedua-dua daerah itu dalam memacu industri pelancongan.

"Potensi pelancongan di Kunak boleh dikembangkan lagi dengan adanya beberapa tarikan semulajadi yang terdapat di sini, lebih-lebih lagi ia berhampiran dengan Semporna yang sudah dikenali sebagai destinasi popular bagi pelancong di pantai timur," katanya.